

**AMALAN KOMUNIKASI PARALINGUISTIK GURU
BAHASA ARAB DALAM PEMBELAJARAN IMERSIF BAGI
MEMENUHI PENDIDIKAN FUTURISTIK**

*Noor Shamshinar Zakaria¹ & Nor Azhan Norul'Azmi¹²

ABSTRACT

Immersive learning encourages students to engage in an interactive learning environment. This learning can be conducted virtually or face-to-face, allowing students to be involved directly in the active learning process. Therefore, this study was conducted to identify the paralinguistic communication practices that create immersive learning. Immersive learning is an effective futuristic education learning form. For this purpose, 423 primary school Arabic language teachers (GBA) from religious schools (SRA) under the Islamic Religious Department of Selangor (JAIS) were selected as respondents. This study was conducted using a quantitative approach through a survey method, and a questionnaire instrument was used for data collection. Data were analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software version 26.0. The findings showed that the level of paralinguistic communication practices among GBA recorded a high mean score ($M = 4.55$, $SD = 0.608$). This indicates that the GBA use paralinguistic elements in teaching and learning (PdP) to produce positive behavioral changes in students toward the learning process, thus achieving immersive learning. This study implies that to create immersive learning, GBAs should implement paralinguistic features through variations in tone and voice intonation. Paralinguistic aspects are crucial in language acquisition, especially for primary-level students. The GBA plays an important role as a catalyst of interest, motivation, and understanding in student learning. Ultimately, immersive learning provides students with greater opportunities to interact globally, realizing futuristic educational goals.

Keywords: *Paralinguistic communication practices, Arabic language teachers, immersive learning, futuristic education.*

[1]
Fakulti Pendidikan
Universiti Islam Selangor (UIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia
shamshinar@uis.edu.my

[2]
Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Universiti Islam Selangor (UIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia

PENGENALAN

Sistem pendidikan kini menuju ke arah pendidikan futuristik yang menekankan bentuk pengajaran dan pembelajaran (PdP) berasaskan teknologi dan inovasi. Menurut Yacob et al. (2023), perkembangan Revolusi Industri 4.0 memberikan kesan terhadap cara pengajaran guru. Gelombang ke-2 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Kamarulzaman & Hashim, 2013) menjadi pendukung utama bagi melahirkan guru berkualiti dengan pelbagai kemahiran bagi menghadapi cabaran dan tuntutan perubahan masa hadapan. Justeru, guru-guru perlu mempunyai ciri-ciri masa hadapan atau futuristik. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberi respon terhadap sistem pendidikan di Malaysia di mana pembelajaran abad ke-21 perlu menekankan kemahiran-kemahiran teknologi digital, pemikiran kritikal, komunikasi, dan kolaborasi dalam kalangan murid (Institut Aminuddin Baki, 2017). Pendidikan ini juga berhasrat untuk memberi murid pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif dan mendalam bagi mata pelajaran seperti sains, sejarah, dan kejuruteraan. Untuk memenuhi keperluan ini, persekitaran pembelajaran yang berbentuk interaktif memainkan peranan untuk melahirkan murid yang berpengetahuan, berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif, berkemahiran memimpin, menguasai pelbagai bahasa, dan mahir berkomunikasi.

Pembelajaran imersif merupakan satu bentuk pembelajaran yang menggalakkan seorang murid berada dalam suasana pembelajaran interaktif. Pembelajaran ini dilaksanakan sama ada secara maya atau bersemuka, membolehkan murid terlibat secara langsung dengan proses pembelajaran aktif (KPM, 2017). Pembelajaran imersif ini dapat dilaksanakan melalui kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi di mana ia amat sesuai dengan pembelajaran berpusatkan murid (*student-centered learning*). Secara tidak langsung, ia mendorong murid menjadi lebih inovatif dan berdaya saing, serta membangunkan gaya pembelajaran murid berdasarkan pemikiran kritikal dan kemahiran komunikasi. Kemahiran komunikasi pula merupakan nilai tambah yang penting dalam menyokong kejayaan masa depan murid hingga ke peringkat global. Hal ini bertepatan dengan pendidikan futuristik yang telah menjadi satu bentuk transformasi sistem pendidikan yang memenuhi tuntutan masa depan seiring kemajuan teknologi, inovasi dan perubahan dalam keperluan industri.

Dalam pembelajaran bahasa Arab, kemahiran komunikasi memberi penekanan terhadap kebolehan murid untuk bertutur dan berinteraksi dalam bahasa sasaran. Kaedah pengajaran guru tidak sekadar menjurus kepada aktiviti kemahiran membaca dan menghafal semata-mata. Guru perlu mula beralih kepada pendidikan berasaskan kecekapan, di mana murid dinilai berdasarkan penguasaan bertutur dalam bahasa Arab. Hal ini boleh dilaksanakan dengan melakukan aktiviti berkaitan isu sebenar yang dihadapi dalam kehidupan seharian murid. Hal ini selaras dengan keperluan sistem pendidikan futuristik yang lebih memerlukan murid memiliki kemahiran praktikal berbanding pencapaian akademik sahaja. Mohd Rohiman Subri et al. (2020) mendapati, elemen paralinguistik amat diperlukan bagi memastikan murid berupaya menguasai kecekapan dalam berbahasa.

Paralinguistik merupakan elemen komunikasi bukan lisan (KBL) yang menekankan aspek variasi suara. Ia turut merujuk kepada cara mengungkapkan sesuatu perkataan berbanding apa yang diucapkan (McCroskey & Richmond, 2000; O'Rourke, 2010). Elemen paralinguistik diperoleh dengan meneliti bagaimana cara ungkapan disampaikan dan maksud sesuatu mesej bergantung kepada elemen paralinguistik seperti nada tinggi dan rendah, kekuatan dan kelemahan ujaran yang diungkapkan, kelancaran, serta kualiti suara (Hashim Fauzy Yaacob, 2001; Zukefli & Subramaniam, 2018). Elemen paralinguistik menjelaskan bahawa sesuatu ujaran yang sama akan membawa makna yang berbeza jika diucapkan dengan cara dan nada berbeza (Fajri, 2018). Zamri Mahamod (2007) pula menerangkan paralinguistik sebagai satu bidang yang berkaitan dengan fenomena yang bersesuaian dengan makna yang terdapat dalam sesuatu penyampaian. Justeru, elemen paralinguistik menjadi faktor penting dalam pembelajaran imersif dan amat sesuai diimplementasikan oleh guru dalam PdP bahasa Arab bagi memenuhi keperluan pendidikan futuristik.

Pembelajaran imersif melalui elemen paralinguistik boleh mewujudkan interaksi dua hala aktif antara guru dan murid. Hal ini kerana, guru perlu memastikan suara yang digunakan dalam proses penyampaian pengajaran mudah difahami dengan jelas dan dapat diterima sepenuhnya oleh murid. Amalan paralinguistik membantu guru menyampaikan pelajaran kepada murid dengan berkesan, manakala murid akan mendapat pembelajaran yang sempurna. Guru perlu menggunakan nada suara yang kukuh dan jelas (Mookan et al., 2021) serta mengelak

daripada bersuara rendah, teragak-agak atau tersekat-sekat, dan senada. Guru perlu bijak mempraktikkan elemen paralinguistik yang mampu menjadikan suasana pembelajaran menjadi menyeronokkan serta merangsang minat dan motivasi murid untuk mengikuti proses pembelajaran. Zukefli dan Subramaniam (2018) menyatakan, elemen paralinguistik memainkan peranan bagi melancarkan proses penyampaian melalui penggunaan nada, intonasi, kelantangan suara, bunyi keluhan, dan sebagainya. Selain itu, ia dapat memberikan pengetahuan baharu terhadap aspek bahasa murid dan memastikan kecekapan murid sentiasa relevan dengan perubahan teknologi maklumat dan komunikasi.

Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti amalan KBL paralinguistik dalam pembelajaran imersif bagi memenuhi tuntutan pendidikan futuristik, khususnya dalam bidang Pendidikan Bahasa Arab.

PERNYATAAN MASALAH

Terdapat beberapa kajian lepas yang mengemukakan isu kemahiran komunikasi berkesan dalam pengajaran Bahasa Arab (PBA). Menurut Ghani dan Sulaiman (2019), masih terdapat guru Bahasa Arab (GBA) yang tidak mempunyai kemahiran bertutur dalam bahasa tersebut. Mereka sering mengambil jalan mudah dengan menggunakan kaedah tradisional yang berpusatkan guru tanpa orientasi kepelbagaian aktiviti dalam kalangan murid (Othman, 2022). Hal ini menimbulkan suasana bahasa yang tidak memotivasikan murid. Bahkan, murid tidak dapat menggunakan bahasa Arab dengan aktif dalam komunikasi harian serta menganggap bahasa tersebut sukar dipelajari (Abdullah et al., 2015). Zaini et al. (2020) menjelaskan, kompetensi GBA secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana. Azlin Ariffin @ Riffin dan Muhamad Suhaimi Taat (2020) mendapati, antara punca utama seseorang murid gagal untuk menguasai bahasa Arab dengan baik adalah disebabkan oleh guru-guru yang kurang menggunakan bahasa tersebut sebagai medium interaksi.

Berdasarkan beberapa isu kemahiran komunikasi dalam pelaksanaan PBA, kajian berkaitan amalan komunikasi berkesan wajar diketengahkan. Dalam pembelajaran bahasa, pendekatan pengajaran yang efektif mempengaruhi kebolehan murid dalam mengartikulasi fikiran dan idea terhadap pelajaran. Amalan KBL sering kali dikaitkan dengan keseronokan, minat, dan motivasi murid dalam pembelajaran. Amalan KBL ini berupaya memberikan impak besar dan mempunyai kesan jangka panjang serta positif dalam usaha untuk melahirkan murid yang mempunyai daya kecekapan komunikatif hasil daripada pembelajaran bahasa. Elemen paralinguistik disyorkan dalam pembelajaran imersif bagi menghasilkan satu bentuk pembelajaran interaktif. Namun begitu, masih kurang kajian yang dilaksanakan berkaitan amalan KBL paralinguistik dalam pembelajaran imersif bagi memenuhi pendidikan futuristik.

Kajian lepas telah membuktikan, amalan KBL paralinguistik dalam PBA dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran guru serta memberi kesan positif terhadap proses pembelajaran (Hairun Najuwah Jamali & Hanis Najwa Shaharuddin, 2019; Nordin Halias, 2016). Merujuk Mohamad Ziyad Mukhtar dan Saini Ag. Damit (2015), amalan KBL paralinguistik dapat mencipta suasana PBA yang menyeronokkan, mewujudkan suasana pembelajaran bahasa Arab yang sebenar, dan menghasilkan proses PdP yang memberi kesan jangka panjang kepada murid. Walaupun demikian, tidak semua GBA melaksanakan KBL paralinguistik semasa menyampaikan pelajaran sehingga menyebabkan murid kurang minat dalam mata pelajaran yang dipelajari (Bambaeeroo & Shokrpour, 2017). Oleh itu, amalan KBL paralinguistik perlu diberi perhatian sewajarnya, bukan sahaja untuk memenuhi keperluan pembelajaran murid, tetapi pengajaran yang bersifat futuristik.

Sebagai contoh, kajian yang dilakukan oleh Zakaria dan Mahalle (2017) mendapati GBA masih mengamalkan strategi pengajaran yang tidak kreatif dan lebih kerap menggunakan kaedah syarahan. GBA masih tidak mampu menyampaikan pengajaran secara saintifik dan cekap, selain tidak mempunyai kebolehan untuk berkomunikasi dengan efektif. Kelemahan GBA dalam aspek komunikasi menimbulkan rasa bosan dalam kalangan pelajar. Hal ini membuktikan GBA masih belum mempunyai tahap komunikasi yang berkesan dan gagal menunjukkan amalan KBL paralinguistik diamalkan sepenuhnya dalam PBA. Begitu juga dengan penemuan kajian daripada Zaini et al. (2019) yang melaporkan GBA masih kurang pengetahuan dalam memahami pendekatan pengajaran komunikatif dan kemahiran-kemahiran lain. Kelemahan GBA dalam pengajaran komunikatif ini menunjukkan bahawa mereka


masih kurang mengetahui tentang pelaksanaan KBL paralinguistik semasa PdP. Kemampuan dan keupayaan GBA dalam amalan KBL paralinguistik dikatakan terhad dan terbatas (Radzi et al., 2021).

Ghani dan Sulaiman (2019) pula menyatakan, masalah utama guru ketika mengajar mata pelajaran bahasa Arab ialah tahap penguasaan kemahiran bertutur mereka yang kurang memuaskan. Mereka juga kurang menerima pendedahan berkaitan pengajaran berasaskan pendekatan komunikatif. Isu ini menjadikan minat, motivasi, dan pencapaian murid tidak mencapai tahap yang diinginkan (Nordin Halias, 2016). Hal ini menunjukkan GBA tidak melaksanakan KBL paralinguistik semasa PBA. Lebih membimbangkan apabila terdapat kajian yang menunjukkan kelemahan komunikasi GBA ketika pelaksanaan PBA sama ada di dalam bilik darjah mahupun secara dalam talian (Norul'Azmi & Zakaria, 2019). Menerusi kajian tersebut, GBA menghadapi masalah untuk berkomunikasi dengan berkesan ketika menjalankan PdP di dalam bilik darjah dan tidak dapat memenuhi kesemua keperluan murid. Isu yang sama berlaku apabila GBA tidak peka dengan teknik amalan KBL paralinguistik secara atas talian yang sepatutnya dilaksanakan.

Kesemua pernyataan ini menggambarkan bahawa GBA masih belum menguasai kemahiran komunikasi berkesan dan kurang mengamalkan KBL paralinguistik dengan baik semasa PBA. Amalan komunikasi berkesan dalam bahasa Arab akan menjadi sukar jika guru tidak mengetahui dan menguasai teknik dan strategi komunikasi yang tepat. Kurangnya perhatian terhadap pendekatan dan strategi komunikasi dalam PBA akan mencetuskan pelbagai kesan negatif ke atas keberkesanan proses PdP subjek bahasa Arab (Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, 2004). Merujuk kajian-kajian lepas, masih banyak ketidakpastian mengenai tahap amalan KBL paralinguistik dalam PBA sebagai strategi komunikasi berkesan. Justeru, situasi ini membuka jurang pengetahuan untuk penyelidikan lanjut bagi mengenal pasti amalan KBL paralinguistik dalam pembelajaran imersif bagi memenuhi matlamat PBA yang selaras dengan pendidikan futuristik.


METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif, yakni kaedah tinjauan untuk memungut data daripada populasi yang dikenal pasti menggunakan soal selidik. Pengkaji menggunakan satu set soal selidik sepenuhnya bagi mengumpul data. Pengkaji memilih untuk membuat penganalisan secara deskriptif untuk mengukur pemboleh ubah kajian terhadap amalan KBL paralinguistik dalam pembelajaran imersif bagi memenuhi pendidikan futuristik. Dalam pemilihan sampel kajian, pengkaji menggunakan kaedah persampelan rawak kebarangkalian (*probability random sampling*). Pemilihan sampel kajian ini juga adalah secara rawak berstrata tidak mengikut nisbah. Penggunaan persampelan rawak berstrata ini membolehkan generalisasi dibuat terhadap populasi yang dikaji. Pengkaji mengedarkan soal selidik kepada responden berdasarkan bilangan GBA yang diberikan oleh pihak sekolah yang terlibat. Pengkaji juga meneruskan kaedah ini terhadap sekolah-sekolah yang seterusnya sehingga data yang dikumpul mencukupi. Secara ringkasnya, pemilihan sampel ditunjukkan dalam Rajah .



Rajah 1.1 Pemilihan Sampel Guru Menggabungkan Prosedur Persampelan

Hasilnya, jumlah bilangan sampel yang dipilih ialah 423 secara rawak iaitu 339 dari SRA, 33 dari SRAI, dan 51 dari KAFAI seperti di dalam



Rajah 1.2 Jumlah sampel GBA

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan amalan KBL paralinguistik dalam pembelajaran imersif dilaksanakan oleh GBA dengan baik. Skor min tertinggi bagi sub-konstruk paralinguistik ialah menggunakan intonasi suara yang jelas dan lantang supaya dapat didengar oleh pelajar ($M=4.64$, $SD=0.563$), diikuti dengan melontarkan suara penuh semangat untuk mendapatkan fokus pelajar ($M=4.60$, $SD=0.584$), mempelbagaikan intonasi suara untuk merangsang minat murid ($M=4.57$, $SD=0.607$), mengawal tempo pertuturan (laju atau lambat) supaya murid lebih memahami mesej yang disampaikan ($M=4.55$, $SD=0.589$), bertutur dengan variasi nada suara yang sesuai dengan situasi pengajaran ($M=4.55$, $SD=0.597$), memvariasikan nada suara ketika menyampaikan pelajaran ($M=4.54$, $SD=0.594$), menggunakan nada suara yang tegas untuk memberikan penekanan terhadap isi-isi penting ($M=4.53$, $SD=0.622$), dan mengubahsuai intonasi suara untuk menggambarkan perasaan seperti gembira, marah atau terkejut ($M=4.53$, $SD=0.634$). Seterusnya, skor min mengawal intonasi suara tinggi rendah ketika memberikan arahan kepada murid ($M=4.48$, $SD=0.645$) serta menggunakan unsur humor untuk mencipta perasaan seronok dalam diri pelajar ($M=4.48$, $SD=0.626$).

Jadual 1.1: Tahap Amalan Komunikasi Bukan Lisan Paralinguistik

Konstruk/Sub-konstruk/Indikator	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Memvariasikan nada suara ketika menyampaikan pelajaran.	4.54	0.594	Tinggi
Mempelbagaikan intonasi suara untuk merangsang minat murid.	4.57	0.607	Tinggi
Menggunakan intonasi suara yang jelas dan lantang supaya dapat didengar oleh pelajar.	4.64	0.563	Tinggi
Mengawal tempo pertuturan (laju atau lambat) supaya murid lebih memahami mesej yang disampaikan.	4.55	0.589	Tinggi
Bertutur dengan variasi nada suara yang sesuai dengan situasi pengajaran.	4.55	0.597	Tinggi
Mengubahsuai intonasi suara untuk menggambarkan perasaan seperti gembira, marah atau terkejut.	4.53	0.634	Tinggi

Menggunakan unsur humor untuk mencipta perasaan seronok dalam diri pelajar.	4.48	0.626	Tinggi
Mengawal intonasi suara tinggi rendah ketika memberikan arahan kepada murid.	4.48	0.645	Tinggi
Menggunakan nada suara yang tegas untuk memberikan penekanan terhadap isi-isi penting.	4.53	0.622	Tinggi
Melontarkan suara penuh semangat untuk mendapatkan fokus pelajar.	4.60	0.584	Tinggi
Jumlah Keseluruhan	4.55	0.608	Tinggi

PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan elemen KBL paralinguistik menjadi amalan GBA semasa melaksanakan PBA. Kesemua item berkaitan dengan elemen paralinguistik menunjukkan tahap yang tinggi. Hal ini menggambarkan bahawa elemen KBL paralinguistik merupakan satu pendekatan PdP yang harus dilaksanakan oleh semua guru. Sepertimana menurut Nur Nadirah dan Vijayaletchumy (2018), paralinguistik seperti kualiti suara, vokal, anggota badan, dan ekspresi wajah yang sering digunakan dalam PdP membantu proses pemerolehan bahasa, khususnya terhadap perkembangan bahasa kanak-kanak. Hal ini kerana kesemua kanak-kanak akan melalui fasa pemerolehan bahasa dan menggunakannya untuk berkomunikasi. Niveetha Mookan et al. (2021) juga mengatakan, semakin tinggi keupayaan guru menggunakan elemen paralinguistik dalam PdP, semakin tinggi perubahan tingkah laku positif murid terhadap proses pembelajaran mereka. Kepelbagaian nada dan intonasi suara yang ditonjolkan oleh guru perlu merangkumi gabungan pelbagai nilai, gaya, serta teknik yang bersesuaian dengan rekaan yang ingin dihasilkan (Aziz & Ismail, 2017) agar dapat memberi kesan yang positif kepada pembelajaran murid. Kepelbagaian pendekatan pengajaran adalah penting bagi meningkatkan keseronokan penglibatan murid dalam mengikuti proses PdP.

Selain itu, Zukefli dan Subramaniam (2018) menjelaskan, cara sebutan huruf dan perkataan yang betul dengan tekanan suara mengikut penggunaan ayat dapat membantu murid menguasai sesuatu pelajaran dengan lebih baik. Daripada aspek lain, ujaran yang diiringi elemen paralinguistik dapat menarik tumpuan, mengawal minat, serta konsentrasi murid apabila diiringi kelancaran suara, arahan yang jelas, ekspresi muka yang bersungguh-sungguh, dan intonasi yang baik (Xian 2019). Penggunaan nada dan intonasi suara juga dapat membantu murid untuk membezakan maksud yang disampaikan oleh guru. Amalan ini juga dapat mengelak salah erti atau kekeliruan terhadap sesuatu maklumat yang didengari. Menurut Abu Bakar dan Abdullah (2018), aspek tekanan atau nada perkataan Arab dalam kalangan penutur Melayu perlu dilakukan dengan lebih meluas, agar penguasaannya boleh dikenal pasti dengan tepat. Selain itu, kekuatan dan kelemahan yang ada pada penguasaan aspek nada suara dapat menyumbang ke arah penambahbaikan pembelajaran dan PBA, khususnya dalam aspek sistem suara (*al-nidham al-sawtyy*) dalam kalangan penutur Melayu di negara ini. Justeru, elemen KBL paralinguistik penting bagi memastikan pengajaran GBA memberi impak yang besar terhadap penguasaan kemahiran bahasa murid.

Seterusnya, dapatan ini turut menekankan aspek nada suara yang sesuai untuk menekankan isi-isi penting. Auza (2019) menegaskan, intonasi suara membantu guru menjelaskan dan menguatkan isi-isi penting, serta dapat memperkukuhkan maklumat yang disampaikan. Begitu juga aspek intonasi suara bersesuaian yang dapat menggambarkan perasaan gembira, marah, atau terkejut supaya kesan pengajaran guru dapat memberi rangsangan dan tindak balas yang positif daripada murid. Jasni et al. (2020) menyatakan, seseorang itu akan lebih memahami emosi penyampai sama ada sayang, marah, bosan, ceria, sabar, gembira, terkejut, mempertahankan diri, bersemangat, sedih, atau puas hati berdasarkan perubahan intonasi suara. Zukefli dan Subramaniam (2018) berpendapat, elemen KBL paralinguistik memberikan kesan mendalam, memperkukuhkan mesej, memberi kesan melodramatik, serta mempengaruhi jumlah maklumat yang didengar dan diterima.

Dapatan kajian menunjukkan elemen KBL paralinguistik memainkan peranan penting yang dapat menggerakkan penglibatan murid dalam pembelajaran bahasa Arab. Secara tidak langsung, matlamat untuk melahirkan murid

yang aktif, mahir berkomunikasi, dan berinovatif dapat direalisasikan, sesuai dengan keperluan pendidikan futuristik. Murid tidak lagi hanya mempelajari teori dan ilmu bahasa Arab, malah berkebolehan dalam mengartikulasi fikiran dan idea terhadap pelajaran melalui pembelajaran imersif. Murid akan memiliki sikap positif seperti kesedaran tentang pentingnya bahasa yang dipelajari. Maka, mereka dengan sendirinya akan teruja dan cuba menguasai bahasa tersebut dengan pelbagai cara. Sikap dan kesediaan murid untuk berinteraksi secara aktif melalui elemen KBL paralinguistik yang dilaksanakan oleh GBA menjadikan pembelajaran imersif lebih bermakna kerana murid mempunyai pengetahuan, sikap, dan kesediaan yang tinggi terhadap apa yang dipelajari.

Antara cadangan pelaksanaan pembelajaran imersif dalam PBA adalah seperti berikut:

1. Mendedahkan murid dengan bahan-bahan berbentuk 3D.
2. Menambahkan bahan pada tugas murid seperti video YouTube, kuiz Kahoot dan video muka sendiri sebagai projek.
3. Menyiarkan pengumuman dan melibatkan murid dalam perbincangan melalui sesi soal jawab di peranti mudah alih seperti tablet dan telefon bimbit.
4. Mengakses kawasan permainan eksklusif untuk diterokai oleh murid atau haiwan peliharaan dalam talian untuk menggalakkan penyiapan tugas.
5. Mewujudkan bilik darjah Google, yakni program atau alat pengajaran dalam talian yang tersedia di laman sesawang dan aplikasi mudah alih yang sesuai untuk guru dan murid.
6. Mencipta pelajaran yang menyeronokkan, menarik, teratur, dan berada di landasan yang betul walaupun semasa berada dalam kelas maya.

Secara ringkasnya, dapat disimpulkan bahawa pembelajaran imersif perlu dijadikan satu pendekatan yang penting dalam PBA. Elemen KBL paralinguistik pula menjadi medium utama yang perlu dipraktikkan oleh GBA bagi meningkatkan kemahiran komunikasi dan kebolehan murid untuk berinteraksi dalam bahasa Arab. Hal tersebut sejajar dengan pembelajaran abad ke-21 sebagai suatu bentuk pembelajaran yang memerlukan murid menguasai pelajaran melalui pelbagai subjek dan sumber yang luas di samping mahir berkomunikasi, bekerjasama, dan celik digital. Kejayaan murid pada abad ke-21 berkait rapat dengan pengetahuan cara belajar yang perlu disepadukan dengan pendidikan futuristik bagi menjamin kerjaya masa hadapan seumur hidup murid.

PENUTUP

Secara umumnya, dapatan kajian ini menunjukkan elemen KBL paralinguistik memainkan peranan penting dalam PBA dan berfungsi sebagai pencetus minat, motivasi, dan kefahaman dalam pembelajaran murid secara aktif. GBA perlu menjadikan pembelajaran imersif sebagai satu proses pembelajaran yang signifikan untuk meningkatkan penguasaan dan kemahiran bertutur murid dalam pelajaran bahasa Arab. Pembelajaran imersif akan mengubah cara pengajaran yang disampaikan oleh GBA serta memberi pengalaman yang lebih mendalam kepada pembelajaran murid. Murid dapat berinteraksi dan mengembangkan keterampilan pengetahuan dan kemahiran dalam dunia nyata dan global. Dalam konteks pendidikan futuristik, GBA perlu mengintegrasikan teori dan praktis serta menyiapkan murid dalam menghadapi dunia yang semakin dinamik, fleksibel, dan kompleks.

RUJUKAN

- Abdullah, A. H. B., Sulaiman, A. A. B., & Wan Abdullah, W. I. B. (2015). *Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi terhadap pembelajaran Bahasa Arab* [Factors affecting motivation on learning Arabic]. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 10(2), 82-97. <https://doi.org/10.37231/jimk.2015.10.2.112>
- Abu-bakar, K., & Abdullah, M. F. (2018). Tekanan perkataan Arab sebagai bahasa asing dalam kalangan penutur Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 18(1).
- Auza, A. (2019). Pengaruh komunikasi nonverbal dalam mewujudkan komunikasi yang efektif antara agen dan konsumen PT. Axa Financial Indonesia cabang Medan. *Journal of Education, Humaniora and Social Sciences (JEHSS)*, 1(3), 156-161.

- Aziz, Z., & Ismail, N. A. N. (2017). Kajian tinjauan kesediaan guru-guru sejarah menerapkan kemahiran pemikiran sejarah kepada para pelajar. *Jurnal Pendidikan*, 32(2007), 119- 137.
- Azlin Ariffin @ Riffin & Muhammad Suhaimi Taat. (2020). Penguasaan bahasa Arab: Hubungannya dengan sikap murid dan pengajaran guru. *Malaysian Journal of Science and Humanities (MJSSH)*, 5(3), 13-23.
- Bambaeeroo F, Shokrpour N. The impact of the teachers' non-verbal communication on success in teaching. *J Adv Med Educ Prof*, 5(2), 51-59.
- Fajri, H. 2018. *Pengaruh penggunaan aplikasi line terhadap kepuasan siswa Madrasah Aliyah Negeri 2 Model Pekanbaru* [Doctoral dissertation, Universitas Islam Riau]. Universitas Islam Riau.
- Ghani, K. A., & Sulaiman, S. N. 2019. Pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan guru J-Qaf Sekolah Kebangsaan. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 7(1), 1-14.
- Hashim Fauzy Yaakob. (2000). *Pengantar komunikasi manusia*. Universiti Teknologi Malaysia
- Institut Aminuddin Baki. (2017). Panduan pelaksanaan pendidikan abad ke-21. Institut Aminuddin Baki.
- Jamali, H. N. & Shaharuddin, H. N. (2019). Analisis persepsi pelajar Melayu terhadap amalan komunikasi bukan lisan dalam kelas pembelajaran bahasa kedua. *Jurnal Melayu*, 18(2), 244-255.
- Jasni, S. R., Zailani, S., & Zainal, H. 2020. Impak pendekatan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 10-21.
- Kamarulzaman, W., & Hashim, R. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025: Unity among students*. SSRN.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Sukatan pelajaran pendidikan moral*. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Pembelajaran abad ke-21 (PAK 21) [PowerPoint slides]. SlideShare. <https://www.slideshare.net/nsyairie74/kit-penerangan-pak21-79959132>
- McCroskey, J. C., & Richmond, V. P. (2000). *Nonverbal behavior in interpersonal relations (4th ed.)* Allyn & Bacon.
- Mohd Rohiman Subri, Rohizani Yaakub & Azlinda Boheran Nudin. (2020). Analisis komunikasi bukan lisan guru cemerlang Bahasa Melayu ketika melaksanakan pengajaran dan pembelajaran KOMSAS. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(3), 267-277. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Muhamad Ziyad Mukhtar & Saini Ag. Damit. (2015). *Amalan penggunaan lughat al-Fasl dalam kalangan guru pelatih J-QAF. Prosiding Persidangan Kebangsaan Bahasa Arab (NCAL2015)*. IPG Pendidikan Islam.
- Niveetha Mookan, Abdul Razaq Ahmad & Norasmah Othman 2021. Pendekatan kepelbagaian pengajaran dari aspek penyampaian, alat bantu mengajar, pedagogi dan peneguhan dalam pembelajaran sejarah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 227-238. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Nordin Halias. (2016). *Komunikasi nonverbal dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah menengah agama* [Doctoral thesis]. Universiti Malaya.
- Norul'Azmi, N. A., & Zakaria, N. S. (2019). Isu pelaksanaan komunikasi bukan lisan dalam pengajaran bahasa Arab melalui atas talian [The issue of nonverbal communication practice in Arabic language teaching via online platform]. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 110-124. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v4i2.60>
- Nur Nadirah, Z. & Vijayaletchumy, S. (2018). Paralinguistik dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 8(1), 1-3.
- O'Rourke, J. S. (2010). *Management communication: A case analysis approach (4th ed.)*. Pearson.
- Othman, M. 2022. Pengaruh komponen bahasa terhadap pelaksanaan pengajaran guru bahasa Arab (GPI) dalam mengintegrasikan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, 4(1), 1-15.
- Radzi, N. I. A., Baharudin, H., & Nasir, M. K. M. (2021). Strategi kemahiran komunikasi dalam pengajaran bahasa Arab [Communication skills strategies in Arabic language teaching]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*, 1(3), 48-56.
- Subri, M., Yaakub, R., & Nudin, A. 2020. Analisis komunikasi bukan lisan guru cemerlang bahasa Melayu ketika melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran KOMSAS. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(3), 267-277. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/11290>
- Xian, Z. (2019). *Kemahiran dan amalan komunikasi dalam kalangan siswa guru di IPG Kampus Keningau Sabah*. IPG Kampus Keningau.

- Yacob, R., Aris, M., Ahmad, R. K., Basar, M. N., Mustapa, S. I. S., Sa'aban, S., ... & Mohideen, S. N. K. (2023). Model guru futuristik malaysia (GFM): Pembinaan elemen menggunakan teknik Fuzzy Delphi. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 10(3), 1-12.
- Zaini, A. R., Zakaria, N. S., Ismail, M. R., Ghazali, M. R., & Hamdan, H. (2020). Kompetensi guru bahasa Arab sekolah rendah di Malaysia. *Jurnal Sultan Alaudin Sulaiman Shah*, 7(1).
- Zakaria, G. A. N., & Mahalle, S. (2017). Kajian amalan pengajaran guru bahasa Arab sekolah menengah di negara Brunei Darussalam. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 3(1), 1-40.
- Zamri Mahamod. (2007). Psikolinguistik dalam pengajaran dan pemerolehan bahasa pertama dan kedua. Karisma Publications.
- Zukefli, N. N., & Subramaniam, V. (2018). *Paralinguistik dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak*. International Journal of Language Education and Applied Linguistics.